



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 18 /2022

**“ALERT”:** Seramai 1368 peserta permainan tradisional melibatkan 760 orang mewakili badan beruniform dan 608 sektor korporat terlibat dalam pertandingan 10 permainan tradisional iaitu tarik tali tradisional, galah panjang, congkak, batu seremban, sepak raga ratus, bola sepak kain pelikat, dam aji, terompah gergasi, menyumpit dan memanah tradisional.

## FESTIVAL PERMAINAN MALAYSIA @ KUALA LUMPUR KEMBALI LAGI

**KUALA LUMPUR, 7 September 2022** – Seramai 1368 peserta terdiri daripada badan beruniform dan sektor korporat akan terlibat dalam Festival Permainan Malaysia @ Kuala Lumpur 2022 yang akan berlangsung pada 23, 24 dan 25 September 2022 bertempat di Dataran Merdeka Kuala Lumpur. Festival Permainan Malaysia @ Kuala Lumpur 2022 atau ringkasnya FPM@KL 2022 merupakan salah satu program di bawah Kalender Pelancongan Budaya yang diadakan setiap tahun bagi mengetengahkan keunikan seni budaya negeri. Selaras dengan itu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menerusi JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengangkat permainan Malaysia sebagai teras bagi program ini dan disokong oleh lain-lain pengisian untuk penglibatan masyarakat. Program yang telah memasuki tujuh (7) tahun penganjurannya berkONSEPkan festival yang merangkumi pelbagai aktiviti dan pengisian seperti pertandingan permainan tradisional, permainan interaktif, pameran, demonstrasi, persempahan serta jualan.

Pengisian utama FPM@KL 2022 adalah pertandingan permainan tradisional di antara badan beruniform dan juga sektor korporat yang akan dikelolakan oleh Kelab Sukan Tradisional Harmoni. Selain pertandingan permainan tradisional antara badan beruniform dan sektor korporat, orang ramai berpeluang bagi menyertai Permainan Lagenda Rakyat seperti kelereng, kaki hantu, lari dalam guni berkembar, tarik upih / guni dan terompah gergasi.

Selain itu juga, bersempena FPM@KL 2022 turut diadakan adalah Kejohanan Tarik Tali Terbuka Malaysia dan Pertandingan *Pocket Bike* yang akan melibatkan pelumba cilik terdiri daripada kanak-kanak. Pertandingan Gasing Pangkah yang juga dikenali sebagai MyGasing Championship akan turut diadakan. Selain melibatkan penyertaan daripada negeri-negeri di Malaysia, dua pasukan antarabangsa iaitu Singapura dan Brunei juga dijangka akan turut serta dalam Pertandingan Gasing Pangkah pada tahun ini.

Bagi memeriahkan lagi penganjuran FPM @ KL 2022, dua acara larian akan diadakan iaitu Larian Keluarga Malaysia dan *KL Cultural Fun Run & Ride*. Acara ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Maklumat lanjut dan pendaftaran boleh dibuat melalui laman web [www.raceasia.com](http://www.raceasia.com).

“Selain bertujuan menyemarakkan permainan tradisional dan sukan rakyat pelbagai kaum di Malaysia, besar harapan saya agar festival ini terus mengangkat dan memulihara keunikan kesenian serta kepelbagaian warisan tradisi rakyat Malaysia. Selain itu juga, penganjuran festival ini diharap akan dapat menyediakan peluang penjanaan pendapatan kepada usahawan seni budaya dan penggalakkan ekonomi setempat melalui pengisian jualan bazar seni yang akan diadakan nanti”. Kata Tuan Haji Mesran bin Mohd Yusop, Ketua Pengarah JKKN dalam kenyataannya hari ini.

Majlis Perasmian Festival Permainan Malaysia @ Kuala Lumpur 2022 akan diadakan pada 24 September 2022 (Sabtu) jam 9.00 pagi di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dijangka akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato'

Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia diiringi Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan.

Maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan [www.facebook.com/mysenibudaya](http://www.facebook.com/mysenibudaya).

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **E-mel:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi**

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Nor Fazilla binti Isa Artis Budaya JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur <a href="mailto:fazilla@jkkn.gov.my">fazilla@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2072 6431 / 012-3258048
--	---